



**Mohamad Yasid (tengah) dan Johan (lima dari kiri)** serta Zainudin (kiri) bersama penerima sumbangan pada Majlis Perasmian Taman Tasik Rekreasi@Gravit8 di Klang, semalam.

## Mitraland bangun Taman Tasik Rekreasi@Gravit8

**Klang:** Kumpulan Mitraland mengubah tanah kosong kepada sebuah tasik buatan yang menakjubkan dikenali sebagai Taman Tasik Rekreasi@Gravit8.

Pengerusi Mitraland Group, Datuk Johan Ariffin, berkata taman tasik seluas 3.217 hektar dan bernilai RM11 juta itu bakal menjadi tempat riadah bagi masyarakat di sekitar Klang, selain ruang dinamik untuk menggalakkan interaksi sosial serta gaya hidup sihat.

"Kami teruja memperkenalkan Taman Tasik Rekreasi@Gravit8 hari ini (semalam). Kerjasama dengan MPK (Majlis Perbandaran Klang) amat bermakna, terima kasih atas input dan bimbingan mereka yang berharga sepanjang peringkat perancangan taman tasik ini dan ia kini membuah hasil.

"Kedudukan taman tasik ini strategik di pusat pembangunan

Gravit8, dengan dilengkapi trek jogging sepanjang 800 meter, stesen kecergasan dan taman permainan.

### Galak gaya hidup sihat

"Ruang senaman dan permainan dimasukkan ke dalam pelan tindakan itu kerana ia menggalakkan gaya hidup sihat yang seimbang bagi penduduk setempat dan pengunjung dari luar," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Taman Tasik Rekreasi@Gravit8 dan Majlis Penerimaan Sumbangan di Galeri Jualan Mitraland, di sini, yang disempurnakan oleh Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin.

Johan berkata, taman tasik itu mendapat sentuhan Walrus Design, sebuah arkitek landskap yang memenangi pelbagai anugerah dengan menggabungkan

unsur estetika dan urbanisasi golongan muda.

Sempena majlis pelancaran itu, Mitraland turut memberikan sumbangan berjumlah RM90,000 kepada lapan kumpulan dana amal, termasuk media.

Penerima terbabit adalah BH (Suara Komuniti), Pertubuhan Al-Khaadem, Kelab Kiwanis TTDI, Yayasan Sin Chew, Yayasan Nanyang (China Press), The Edge Education Foundation, Lions Education Foundation dan Star Foundation.

Sumbangan kepada BH disampaikan kepada Pengarang Bersekutu Digital, Rencana dan Laporan Khas BH, Zainudin Isa.

Johan berkata, sumbangan kepada BH itu bukanlah kali pertama, sebaliknya ia bermula sejak 2012.

"Kami berbesar hati kerana dapat menyumbang kepada Kumpulan News Straits Times Press

(NSTP) dan kami tahu sumbangan itu disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak," katanya.

### Jayakan matlamat MPK

Sementara itu, Mohamad Yasid berkata, inisiatif Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) Mitraland sejajar dengan matlamat MPK untuk menjadikan Klang sebagai sebuah 'Bandar Dalam Taman'.

"Jawatankuasa Pusat Setempat (JKOSC) meluluskan cadangan landskap pada 20 Disember 2016 dengan keluasan tapak cadangan pembangunan sebanyak 3.217 hektar, termasuk kolam takungan, manakala luas kawasan lapangan adalah 1.113 hektar.

"Mitraland juga akan menjalankan kerja penyelenggaraan Taman Tasik Rekreasi@Gravit8 dan kerja landskap selama lima tahun selepas pembinaan taman tasik ini," katanya.